

AHMAD IBRAHIM (1916-1999) SUMBANGAN DAN PEMIKIRANNYA DI DALAM SISTEM PERBANKAN ISLAM DI MALAYSIA

Zulkifli Hasan*

Tel: 06-7988483 Fax: 06-7988530 E-mail: zul361977@yahoo.com

ABSTRAK

Malaysia kini boleh diiktiraf sebagai di antara negara yang berjaya dalam melaksanakan sistem perbankan Islam di dunia. Pencapaian ini tidak akan dapat dinikmati sekiranya tiada usaha-usaha menyeluruh dan komprehensif dalam aspek undang-undang sivil dan syariah terhadap pelaksanaan sistem perbankan Islam negara. Di dalam hal ini, sesungguhnya tidak dapat dinafikan bahawa Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim merupakan antara individu yang banyak memberikan sumbangan di dalam merangka ruang lingkup undang-undang perbankan Islam dan perlaksanaannya. Hingga kini, jasa-jasa beliau boleh dilihat dengan jelas apabila terbuktinya keberkesanan undang-undang digunapakai yang menghasilkan peningkatan dan perkembangan sektor perbankan Islam di negara kita. Dengan menghasilkan penulisan, karya ilmiah, panel penasihat syariah, pengenalan program akademik berteraskan syariah dan undang-undang menyerlahkan lagi sumbangan beliau di sektor ini. Artikel ini akan cuba mengupas dan menelusuri jasa dan sumbangan Allahyarham serta menyelami pemikirannya di dalam pengimplementasian perbankan Islam di Malaysia.

1.0 Pengenalan.

Allahyarham Professor Ahmad bin Mohamed Ibrahim merupakan nama yang tidak asing lagi dalam dunia akademik di Malaysia khususnya dalam bidang undang-undang. Bidang kepakaran beliau menelusuri pelbagai ceruk tujahan sama ada dari aspek undang-undang sivil mahupun juga undang-undang Islam. Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa beliau telah memberikan sumbangan yang amat besar kepada perkembangan undang-undang Islam di Malaysia dan ini termasuk jasa beliau dalam sektor perbankan Islam.

Pada dasarnya, pasti ramai yang mengetahui sumbangan dan pemikiran Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim dalam perkembangan undang-undang syariah di Malaysia. Beliau hampir mendahului setiap individu dalam memperjuang dan memartabatkan

* Penulis ialah pensyarah dan Ketua Program Diploma Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia. Penulis ingin mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada Y. Bhg. Dato' Faiza Tamby Chik, Y. Bhg. Profesor Dr. Hj. Abdul Samat Musa, Y. Bhg. Dr. Zainuddin Jaafar, Y. Bhg. Dr. Mariam Saidona Tagoranao dan semua pihak yang telah membantu menyiapkan makalah ini.

undang-undang syariah. Namun begitu, setakat pengetahuan penulis, didapati bahawa ramai atau ada yang masih tidak mengetahui akan sumbangan beliau terhadap perkembangan sektor perbankan Islam di Malaysia. Artikel ini akan meninjau sumbangan dan pemikiran beliau dalam sistem perbankan Islam yang telah dilancarkan buat kali pertama pada tahun 1983 melalui penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad. Kini Malaysia sudah mempunyai 11 bank Islam, 3 daripadanya adalah bank asing selain dari bank konvensional yang menawarkan Skim Perbankan Islam dan dijangkakan bilangan ini akan bertambah dari masa ke semasa¹.

2.0 Latar Belakang Professor Ahmad bin Mohamed Ibrahim dan Kesan Terhadap Pemikiran Dalam Perbankan Islam.

Allahyarham telah dilahirkan pada 15 Mei 1916 di Singapura dari sebuah keluarga yang amat menitikberatkan soal agama Islam. Ayahanda beliau merupakan seorang yang amat aktif dalam kerja amal dan kebajikan. Boleh dikatakan, beliau telah dibesarkan dalam suasana yang penuh kemuliaan dan mengutamakan ajaran agama Islam. Peribadi beliau yang baik mencerminkan hasil tarbiah dan didikan keluarganya yang amat sinonim dengan akhlak Islam.

Faktor ini, mungkin menjadi faktor kepada beliau untuk amat menyokong dan bersetuju dengan pelaksanaan sistem perbankan Islam di Malaysia yang diperkenalkan pada tahun 1983 ketika masyarakat pada masa itu masih tidak memahami prinsip dan operasi sistem perbankan Islam. Beliau dengan terbuka hati memberikan sokongan kepada kerajaan terhadap pelaksanaan perbankan Islam.

Menyentuh mengenai aspek pendidikan, beliau mendapat pendidikan di Victoria Bridge School, Raffles Institution, Raffles College, dan Cambridge University di mana beliau memperoleh Ijazah Kelas Pertama dalam bidang ekonomi dan juga undang-undang. Walaupun, institusi ini merupakan institusi Inggeris, beliau masih berjaya mempertahankan jati diri, di mana beliau masih berpegang teguh kepada ajaran Islam dan yang lebih mengagumkan ialah beliau yakin kepada sistem undang-undang syariah dan ini termasuk undang-undang berkaitan muamalat Islam. Beliau

¹ <http://www.bnm.gov.my/index.php>

begitu yakin bahawa Islam mampu untuk menyelesaikan pelbagai permasalahan. Latarbelakang pendidikan dalam bidang ekonomi menambahkan lagi pengetahuan beliau dalam aspek perbankan konvensional mahupun Islam.

Dari aspek pengalaman, beliau pernah menjawat jawatan Majistret Singapura pada tahun 1946, Hakim dan Majistret pada tahun 1955, Singapore's first State Advocate General pada tahun 1959 dan Peguam Negara Singapura yang pertama pada tahun 1966 ditambah dengan kepakaran dalam undang-undang sivil dan syariah serta bertanggungjawab menggubal beberapa undang-undang penting negara. Pengalaman sebegini yang tidak pernah dimiliki oleh mana-mana individu menjadikan penerimaan beliau terhadap pelaksanaan perbankan Islam telah meyakinkan individu dan pihak-pihak yang kurang berkeyakinan kepada amalan perbankan Islam.

Beliau telah mengambil keputusan untuk terjun dalam dunia akademik pada 1969 sebagai Professor Pengajian Undang-undang di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaysia, Dekan Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya, Pemangku Naib Canselor Universiti Malaya pada tahun 1974 serta Sheikh dan Dekan, Kuliah Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia². Melalui dunia akademik ini, beliau telah melahirkan ramai cerdik pandai undang-undang dan juga syariah yang kini telah memberi sumbangan yang amat bernilai kepada sektor perbankan Islam di Malaysia. Oleh itu tidak hairanlah beliau telah dianugerahkan dengan pelbagai pingat dan anugerah seperti Johan Mangku Negara (J.M.N) oleh Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong pada tahun 1974, Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara (D.M.P.N) oleh Yang Dipertua Negeri of Pulau Pinang dan anugerah Pingat Allama Muhammad Iqbal oleh kerajaan Pakistan pada tahun 1979, Panglima Setia Mahkota (PSM) oleh Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong pada tahun 1987, Tokoh Maal Hijrah pada tahun 1989 and pingat Tun Razak pada tahun 1992³. Pingat dan anugerah ini sahaja telah mencerminkan betapa besar jasa dan sumbangan beliau kepada agama dan Negara.

2.0 Sumbangan Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim

² http://infopedia.nlb.gov.sg/articles/SIP_529_2005-01-07.html

³ <http://www.iiu.edu.my/laws/father.php> <http://www.iiu.edu.my/laws/father.php>

Secara umumnya, dapat disimpulkan bahawa Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim merupakan individu yang begitu banyak berjasa untuk memartabatkan undang-undang syariah dan ini termasuk undang-undang muamalat Islam yang menyentuh mengenai aspek perbankan Islam. Setelah ditinjau, sumbangan beliau dalam sektor perbankan Islam di Malaysia boleh dirumuskan kepada dua bentuk iaitu sumbangan secara langsung dan tidak langsung.

Sumbangan secara langsung meliputi peranan beliau sebagai Jawatankuasa Pemandu Perbankan Islam Kebangsaan, Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan penulisan berkaitan sektor perbankan Islam. Sementara itu, sememangnya tidak dapat dinafikan begitu banyak sumbangan yang telah diberikan oleh beliau secara tidak langsung terhadap perkembangan sektor perbankan Islam yang merangkumi dari aspek akademik iaitu idea penawaran program undang-undang dan syariah, pengajaran serta menggalakkan pelajar berlatarbelakang syariah untuk mendalami pengetahuan dalam bidang undang-undang dan sebaliknya.

2.1 Sumbangan Secara Langsung

(a) Jawatankuasa Pemandu Perbankan Islam Kebangsaan (The National Steering Committee on Islamic Banking).

Sebelum tertubuhnya Jawatankuasa Pemandu Perbankan Islam Kebangsaan, kerajaan terlebih dahulu telah mewujudkan satu Jawatankuasa Kajian Perbankan Islam yang terdiri daripada Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Lembaga Urusan Tabung Haji, PERKIM, Bank Bumiputra Malaysia Berhad dan beberapa institusi kewangan lain pada 28 Januari 1981. Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim merupakan salah seorang ahli jawatankuasa ini dan telah bersama-sama ahli yang lain merantau ke beberapa negara di seluruh dunia untuk melihat dan mengkaji pelaksanaan perbankan Islam seperti di Arab Saudi, Pakistan, Mesir, Sudan dan Iran. Ini membuktikan bahawa Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim telah terlibat sejak awal dan secara langsung dalam merangka dan melaksanakan sistem perbankan Islam di Malaysia.

Sehubungan dengan inisiatif melalui Jawatankuasa Kajian Perbankan Islam ini, satu Jawatankuasa Pemandu Perbankan Islam Kebangsaan telah ditubuhkan pada 30 Julai

1981 dan dipengerusikan oleh Tan Sri Raja Mohar bin Raja Badiozaman yang dianggotai oleh dua puluh ahli. Jawatankuasa ini merupakan pihak yang bertanggungjawab untuk merangka bentuk pelaksanaan perbankan Islam di Malaysia. Jawatankuasa ini pula terdiri daripada tiga jawatankuasa teknikal iaitu Jawatankuasa Agama, Jawatankuasa Undang-undang dan Jawatankuasa Operasi Perbankan. Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Undang-undang berdasarkan kepakaran beliau dalam bidang syariah dan undang-undang⁴. Hasilnya, hanya setahun selepas itu iaitu pada 5 Julai 1982 Jawatankuasa Pemandu Perbankan Islam Kebangsaan telah menyerahkan laporan kepada kerajaan dan pada 1 Mac 1983 bank Islam pertama di Asia Tenggara telah berjaya ditubuhkan melalui Akta Bank Islam 1983 dan didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965⁵. Selain daripada Akta Bank Islam 1983, Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim bersama-sama jawatankuasa yang lain telah mencadangkan satu undang-undang iaitu "*Government Investment Bill 1982*" yang membolehkan institusi perbankan Islam membeli "*non-interest bearing investment certificates*" atau sijil pelaburan tanpa faedah dari kerajaan. Ini membolehkan institusi perbankan Islam untuk bersaing dengan bank konvensional.

Walaupun Akta Bank Islam 1983 yang berkuatkuasa pada 10 Mac tahun yang sama agak ringkas dan bersifat "regulatory" sahaja, namun ianya mampu menyediakan ruang lingkup yang amat luas kepada Bank Islam untuk beroperasi secara meluas. Allahyarham melihat bahawa pelaksanaan sistem perbankan Islam memerlukan satu akta khusus yang dapat membezakannya dengan sistem perbankan konvensional. Dengan ciri-ciri Akta Bank Islam 1983 ini ditambah dengan infrastruktur undang-undang sokongan seperti "*Government Funding Act 1983*", telah memberikan banyak kelebihan kepada institusi perbankan Islam untuk terlibat dalam pelbagai aktiviti kewangan termasuk produk perbankan, pasaran modal dan lain-lain.

⁴ Jawatankuasa ini terdiri daripada tujuh ahli termasuk Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim sebagai Pengerusi di antaranya ialah Dato' Nik Mohamad Nik Yahya, Allahyarham Abdul Aziz bin Zain, Puan Nik Mahani binti Mohamad, Tuan Haji Hanafiah bin Haji Ahmad, Encik Ramly bin Ahmad dan En. Abdul Aziz bin Mohamad. Rujuk Nik Norzrul Thani, Aida Othman dan Megat Hizaini Hassan. "*The Contributions of Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim To Islamic Banking and Finance in Malaysia*". Seminar Ahmad Ibrahim: Pemikiran dan Sumbangan Ilmiah. 21-22 Ogos 2007 anjuran IKIM.

⁵ Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim bersama-sama ahli jawatankuasa lain telah menderaf "*Islamic Banking Bill of 1982*" yang kemudiannya diluluskan sebagai Akta Bank Islam 1983.

Tambahan pula, dengan adanya beliau yang sememangnya berkepakaran dalam bidang undang-undang telah menambahkan keyakinan orang ramai dan banyak pihak terhadap ruang lingkup undang-undang sedia ada untuk pelaksanaan perbankan Islam.

(b) Majlis Penasihat Syariah dan Badan Perunding Islam

Beliau telah dilantik menjadi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia selama satu penggal iaitu dari tahun 1997-1999⁶, Jawatankuasa Syariah Bank Islam Malaysia Berhad dan Badan Perunding Islam⁷. Pada masa itu Prof. Dato' Dr. Hj. Othman Hj. Ishak merupakan Pengerusi dan dianggotai oleh Dato' Sheikh Azmi Ahmad, Dato' Md. Hashim Hj. Yahaya, Dato' Hassan Ahmad, Dato' Dr. Haron Din, Dato' Dr. Abdul Halim Hj Ismail, Dr. Abdullah Hj. Ibrahim, Dr. Mohd Daud Bakar dan Dr. Ahmed Ali Abdalla.

Seperti yang telah dinyatakan bahawa beliau telah mendapat pendidikan Inggeris dalam bidang ekonomi dan undang-undang dari negara barat. Faktor ini tidak menghalang beliau dari mempelajari undang-undang syariah dan pihak Bank Negara Malaysia sendiri telah melantik beliau sebagai salah seorang Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan dari tahun 1997-1999. Kemampuan beliau untuk menguasai undang-undang sivil dan dalam masa yang sama memahami syariah amat dikagumi dan beliau telah memberikan banyak pandangan dan sumbangan semasa memberikan khidmat sebagai penasihat syariah Bank Negara Malaysia⁸.

Di dalam konteks Malaysia, adalah amat penting untuk penasihat syariah mana-mana institusi perbankan Islam untuk memahami dan menguasai undang-undang sivil dan syariah memandangkan setiap operasi perbankan Islam perlu mematuhi undang-undang sivil seperti Kanun Tanah Negara 1965, undang-undang syariah iaitu muamalat, undang-undang prosedur di Mahkamah Sivil dan juga arahan pekeliling

⁶ n.a. 2007. *Shariah Resolutions in Islami Finance*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia. p. 11.

⁷ Abdul Aziz Bari. *Ahmad Ibrahim and the Islamisation of Law in Malaysia* in Md. Som Sujimon (Kompilasi). 2003. *Monograph on Selected Malay Intellectuals*. Gombak: UIAM. pp. 231-258.

⁸ Sebagai contoh pendapat beliau mengenai "beneficial ownership" pada sesuatu aset yang membolehkan seseorang untuk menjual aset tersebut tanpa mempunyai hak milik penuh telah diterima dan dilaksanakan di dalam beberapa transaksi perbankan Islam seperti Pembiayaan Perumahan berasaskan konsep *Bai Bithaman Ajil*.

dari Bank Negara Malaysia dan pihak berautoriti yang lain. Keistimewaan ini menjadikan beliau sentiasa menjadi rujukan pada permasalahan yang berbangkit dan tentunya pandangan daripada seorang yang berilmu dan pakar seperti beliau akan diambil kira dan memberi keyakinan untuk dilaksanakan.

(c) Penulisan

Adalah amat mengagumkan apabila mengetahui bahawa kebanyakan bahan ilmiah mengenai undang-undang syariah di Malaysia telah diperkenalkan atau diasaskan oleh Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim. Penerbitan Jurnal Hukum, Jurnal Al-Ahkam dan Journal of Malaysian and Comparative Law (diterbitkan pada tahun 1974) misalnya merupakan hasil usaha beliau yang tiada tolok bandingnya. Beliau telah mempelopori penulisan dalam bidang syariah dan bahasa Malaysia tatkala kebanyakan pengamal undang-undang mahupun ahli akademik lebih berminat untuk menulis dalam bidang undang-undang sivil dan bahasa Inggeris. Beliau juga pernah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Istilah Undang-undang, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pengerusi Jawatankuasa Buku Undang-undang, Dewan Bahasa dan Pustaka. Jadi tidak hairanlah hasil kerja beliau hingga kini merupakan rujukan utama bagi setiap pelajar undang-undang dan syariah di Malaysia. Kehebatan beliau dalam bidang penulisan ini merangkumi undang-undang keluarga, pewarisan, perlembagaan, undang-undang syariah termasuk ruanglingkup pelaksanaan perbankan Islam di Malaysia.

Setakat pengetahuan penulis, penulisan beliau khusus kepada sektor perbankan Islam telah diterbitkan pada tahun 1997 oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia yang bertajuk "*Legal Framework Of Islamic Banking in Malaysia*"⁹ termasuk dua artikel lain iaitu "*Legal Solution Toward A Smoother Implementation of Islamic Banking and Finance*"¹⁰ dan "*Resolution of Legal Disputes in the Financial Sector in*

⁹ Ahmad Ibrahim, "*Legal Framework Of Islamic Banking in Malaysia*", (1997) Jurnal Undang-undang IKIM. Vol. 1(1). Lihat juga Ahmad Mohamed Ibrahim. 2000. "*The Aministration of Islamic Law in Malaysia*". Kuala Lumpur: IKIM.

¹⁰ Kertas kerja "*National Congress on Islamic Banking and Finance*" pada 2 Disember 1996 anjuran BIMB Institute of Research and Training Sdn. Bhd dan Association of Interest-Free Banking Institutions Malaysia. Artikel-artikel ini menjadi rujukan bagi kursus Perbankan Islam di kebanyakan Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. Misalnya, kursus LCA 4562 "*Islamic Banking, Takaful and Al-Rahn*" dan LBA 3013 "*Islamic Banking and Takaful*" yang ditawarkan di Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia mewajibkan pelajar untuk merujuk artikel ini.

*Accordance With Islamic Principles*¹¹”. Hingga kini, artikel ini masih menjadi rujukan kepada pengamal perbankan Islam, ahli akademik dan juga pelajar dalam bidang perbankan Islam khususnya. Ironinya, jika ditinjau isi kandungan perbincangan di dalam artikel ini, ianya bukan hanya membincangkan ruang lingkup undang-undang termasuk kekangan dan isu-isu berkaitan perbankan Islam malahan beliau menerangkan setiap konsep dan prinsip yang diaplikasikan oleh institusi perbankan Islam.

Selain daripada itu, terdapat juga penulisan beliau yang tidak secara khusus berkaitan aspek perbankan Islam tetapi ianya menyentuh beberapa sudut undang-undang seperti *Islamic Law in Malaya* (1965)¹², *Towards A History of Law in Singapore and Malaysia* (1970), *The Centenary of the Torrens System in Malaysia* (1989)¹³, *The Malaysian legal system (1987 dan 1995)*¹⁴, *Perundangan Islam di Malaysia: Dasar dan Perlaksanaannya* (1981)¹⁵, *Pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia* (buku kompilasi artikel penulisan beliau)¹⁶ dan beratus-ratus artikel dan bab dalam buku serta kertas seminar dalam dan luar negara. Kesemua penulisan ini walaupun tidak secara khusus membincangkan aspek perbankan Islam namun ianya amat penting dalam proses untuk memahami undang-undang di Malaysia terutamanya dari aspek sejarah undang-undang syariah dan bidang kuasa mahkamah di Malaysia. Penulisan ini umpama bahan wajib atau karya asas memahami selok belok ruang lingkup undang-undang yang diamalkan di Malaysia sama ada dari aspek sivil mahupun syariah. Ini kerana setiap operasi dan pelaksanaan perbankan Islam perlu mematuhi bukan sahaja prinsip muamalat Islam malahan undang-undang sivil, undang-undang prosedur dan juga polisi yang telah digubal oleh Bank Negara Malaysia.

2.2 Sumbangan Secara Tidak Langsung

¹¹ (1999) 19 Al-Nahdah Hlm 20.

¹² Ahmad Ibrahim. 1965. *Islamic Law in Malaya*. Singapore: MSRI.

¹³ Ahmad Ibrahim dan Judith Sihombing. 1989. *The Centenary of the Torrens System in Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.

¹⁴ Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned. 1995. *The Malaysian legal system*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

¹⁵ Ahmad Ibrahim. 1981. *Perundangan Islam Di Malaysia: Dasar dan Perlaksanaannya*. Kuala Lumpur: Islamic Research Institute.

¹⁶ Ahmad Ibrahim. 2000. *Pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.

(a) Memperkenalkan Penawaran Program Akademik Menggabungkan Bidang Undang-undang dan Syariah.

Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim merupakan individu pertama mempelopori untuk memperkenalkan program akademik yang menggabungkan elemen undang-undang sivil dan syariah. Apabila beliau menubuhkan Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya pada tahun 1972, beliau telah membuka peluang kepada pelajar lulusan syariah untuk mengikuti program LLM atau Sarjana Undang-undang yang sebelum itu belum pernah dilaksanakan. Beliau juga telah memperkenalkan beberapa kursus undang-undang perbandingan seperti Undang-undang Keluarga Perbandingan, Undang-undang Pentadbiran Perbandingan dan juga Undang-undang Islam.

Beliau telah terlibat dalam beberapa Jawatankuasa Penasihat Program umpamanya di Fakulti Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) apabila ada cadangan untuk merangka program syariah dan undang-undang¹⁷. Namun begitu, program ini tidak dapat dilaksanakan di UKM dan Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim telah membawa idea penawaran Sarjana Muda Undang-undang dan Syariah ini apabila beliau menubuhkan Kuliyah Undang-undang (kini Kuliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia bersama-sama Profesor Dr. Razali Nawawi pada tahun 1983. Hasilnya program Sarjana Muda Undang-undang atau LLB selama empat tahun dan program Sarjana Muda Syariah pada tahun kelima pengajian telah diperkenalkan pada tahun 1989. Kedua-dua program ini memperlengkapkan pelajar dengan pengetahuan undang-undang sivil dan syariah melalui penguasaan bahasa Arab dan bahasa Inggeris¹⁸. Selain daripada itu, beliau juga telah memperkenalkan program Sarjana Undang-undang Perbandingan atau MCL pada tahun 1986 yang merupakan sarjana seumpamanya ditawarkan di Malaysia. Hingga kini, siswazah melalui program-program ini telah diterima dipasaran termasuk di dalam sektor perbankan Islam di seluruh dunia seperti Profesor Dr. Mohd Ma'sum Billah¹⁹ dan Profesor Madya Dr. Engku Rabiah Adawiah²⁰ yang kini menjadi rujukan dalam hal ehwal perbankan Islam.

¹⁷ Beliau juga pernah menjadi ahli Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang, Malaysia.

¹⁸ Idea beliau juga untuk menawarkan kursus tambahan iaitu subjek Undang-undang Perbankan dan Kewangan Islam di dalam program sedia ada.

¹⁹ Jawatankuasa Syariah RHB Islamic Bank.

(b) Pengajaran Dan Menggalakkan Pelajar Berlatarbelakang Syariah Untuk Mendalami Pengetahuan Dalam Bidang Undang-Undang dan Sebaliknya.

Dari aspek pengajaran, sememangnya Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim sudah tersohor dengan disiplin dan komitmen beliau dikalangan ahli akademik dan juga pelajar. Kesabaran dan ketabahan beliau menurunkan ilmu pengetahuan ditambah dengan aura tersendiri semasa mengajar yang dikurniakan oleh Allah *Subhanahu Wataala* memastikan setiap kuliah diberikan menjadi tumpuan pelajar-pelajar. Jadi tidak hairanlah jika dilihat pada hari ini ada hakim Mahkamah Tinggi Malaya dan kebanyakan Profesor undang-undang adalah merupakan pelajar-pelajar beliau seperti Y. Bhg. Dato' Faiza Hj Tamby Chik²¹, Profesor Dr. Abdul Aziz Bari (Profesor di Kuliah Undang-undang Ahmad Ibrahim, UIAM), Profesor Dr. S.M. Noor Alam S.M. Hussein (Profesor di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia) dan Profesor Dr. Shad Saleem Faruqi (Profesor di Fakulti Undang-undang, Universiti Teknologi MARA).

Selain daripada itu, beliau juga yang menjadi pendorong dan penggalak kepada lulusan syariah untuk mempelajari undang-undang sivil dan lulusan undang-undang untuk mempelajari syariah. Beliau telah melihat betapa keperluan seorang pakar syariah untuk mesti memahami ruang lingkup undang-undang dari sudut yang lebih luas. Beliau juga melihat pengamal undang-undang juga perlu memahami undang-undang syariah di mana mereka kelak boleh beramal di kedua-dua mahkamah sivil dan syariah. Rentetan daripada itu, dapat disaksikan lahirnya pelajar-pelajar lulusan syariah yang mengambil program Sarjana Undang-undang seperti program LLM di Universiti Malaya dan juga institusi luar negara. Melalui aspirasi beliau ini, lahirlah cerdik pandai yang mampu untuk menguasai undang-undang sivil dan syariah yang ada pada hari ini seperti Profesor Dr. Haji Abdul Samat Musa²², Dr. Zainuddin

²⁰ Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (2006-2008) dan Pensyarah di Kuliah Undang-undang Ahmad Ibrahim, UIAM.

²¹ Beliau merupakan bekas Hakim Mahkamah Tinggi Malaya dan kini Felo Utama, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia serta Lembaga Pengarah, Institut Kefahaman Islam Malaysia.

²² Beliau kini merupakan Pengerusi Jawatankuasa Syariah, RHB Islamic Bank dan Dekan Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

Jaafar²³, Dr. Mohd Ali Baharom²⁴ dan ramai lagi yang kini terlibat secara langsung dalam sektor perbankan Islam. Begitu juga terdapat ramai lulusan undang-undang yang berpengetahuan syariah dan terlibat dalam sektor perbankan Islam melalui idea beliau ini seperti Megat Hizaini Hassan dan Mohamed Ridza Mohamad Abdullah yang telah menerbitkan buku "*Law Practice of Islamic Banking and Finance*"²⁵ dan Profesor Madya Dr. Norhashimah Mohd Yasin yang telah menerbitkan buku "*Islamisation/Malaynisation: A Study on the Role of Islamic Law in the Economic Development of Malaysia: 1969-1993*"²⁶.

Keperluan kepada individu yang mahir dalam undang-undang sivil dan juga syariah diakui oleh industri perbankan Islam pada hari ini sedangkan beliau telah melihat perkara ini lebih 30 tahun dahulu apabila beliau membuka peluang kepada pelajar lulusan syariah untuk mengikuti program sarjana undang-undang dan juga memperkenalkan program Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dan juga Syariah selama lima tahun di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Kini hasil daripada visi dan pandangan jauh beliau telah menghasilkan ramai graduan yang mampu untuk menyumbang kepada perkembangan sektor perbankan Islam bukan sahaja di peringkat tempatan malahan global.

3.0 Pemikiran Profesor Ahmad Ibrahim Terhadap Perlaksanaan Perbankan Islam.

(a) Common Law Malaysia

Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim adalah individu yang memperkenalkan dan mempelopori konsep "*Common Law Malaysia*". Konsep ini adalah amat penting dalam konteks negara kita memandangkan pelaksanaan undang-undang mestilah bertujuan untuk memenuhi keperluan sesebuah negara dan bukannya berdasarkan kepada undang-undang asing seperti "*English Common Law*". Beliau telah

²³ Beliau kini merupakan Jawatankuasa Syariah CIMB Islamic Bank dan juga Pensyarah serta Penyelaras Program Siswazah, Fakulti Ekonomi Perniagaan dan Pengajian Polisi, Universiti Brunei Darussalam.

²⁴ Beliau merupakan Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia (2004-2006).

²⁵ Nik Norzrul Thani, Mohamed Ridza Mohamad Abdullah dan Megat Hizaini Hassan. 2003. *Law Practice of Islamic Banking and Finance*. Kuala Lumpur: Sweet and Maxwell. Buku ini telah didedikasikan khas oleh penulis kepada Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim.

²⁶ Norhashimah Mohd Yasin. 1996. *Islamisation/Malaynisation: A Study on the Role of Islamic Law in the Economic Development of Malaysia: 1969-1993*. Petaling Jaya: AS Noordeen.

menekankan kepentingan untuk menyediakan infrastruktur undang-undang mengikut bentuk acuan negara kita sendiri dalam setiap bidang dan sektor. Ini juga bersesuaian dengan pelaksanaan sistem perbankan Islam di Malaysia.

Ruang lingkup dan pelaksanaan undang-undang berkaitan perbankan Islam di Malaysia adalah merangkumi undang-undang sivil dan syariah. Mahu tidak mahu, setiap operasi dan transaksi perbankan Islam mestilah mematuhi kedua-dua undang-undang ini. Dengan itu, berlakulah proses harmonisasi undang-undang dengan tujuan untuk menyediakan infrastruktur perundangan bagi pelaksanaan perbankan Islam. Pada hari ini, kita dapat melihat bagaimana produk perbankan Islam berteraskan prinsip syariah dapat ditawarkan kepada pasaran dengan sokongan oleh infrastruktur undang-undang sedia ada. Bahkan kes-kes berkaitan perbankan Islam telah diletakkan dibawah mahkamah tinggi khas yang dikenali sebagai "*muamalat bench*"²⁷. Pendekatan harmonisasi ini boleh ditafsirkan sebagai salah satu usaha ke arah mewujudkan "*Common Law Malaysia*" seperti yang diaspirasikan oleh beliau di mana undang-undang sivil sedia ada diaplikasikan bersama-sama dengan prinsip muamalat Islam selagi mana ianya tidak bertentangan dengan hukum syarak.

(b) Sistem Dwi Perbankan

Secara umumnya terdapat pelbagai bentuk pelaksanaan perbankan Islam yang diamalkan di seluruh dunia. Malaysia melalui Jawatankuasa Pemandu Perbankan Islam Kebangsaan dan di bawah pimpinan Gabenor Bank Negara pada masa itu iaitu Tan Sri Jaafar Hussein telah memilih untuk melaksanakan sistem dwi perbankan²⁸ berbeza dengan negara lain seperti Pakistan dan Iran yang mengamalkan sepenuhnya perbankan Islam. Sistem dwi perbankan bermaksud sektor perbankan terdiri daripada sistem konvensional dan juga sistem perbankan Islam. Sebagai salah seorang Jawatankuasa Pemandu Perbankan Islam Kebangsaan ini yang pakar dalam bidang undang-undang secara tidak langsung menunjukkan sokongan beliau terhadap pelaksanaan sistem dwi perbankan ini. Selaku pakar undang-undang, beliau menerima pelaksanaan sistem perbankan Islam untuk beroperasi serentak dengan

²⁷ Practice Direction No.1/2003, perenggan 2, apa-apa kes di bawah Kod 22A yang difailkan di Mahkamah Tinggi Malaya akan didaftarkan dibicarakan di "*Muamalat Bench*" ini.

²⁸ Nor Mohamed Yakcop. *Reflections on the Islamic Financial System*. In Halal Malaysia: Islamic Capital Market and Financial Services. 2003. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islam Malaysia.

sistem perbankan konvensional. Pendekatan ini merupakan cara yang paling bersesuaian dengan keadaan dan faktor semasa yang ada di Malaysia.

Buktinya, pelaksanaan sistem perbankan Islam di Malaysia telah berkembang dengan pesatnya, malahan kita telah mendahului negara lain dalam pelbagai sudut seperti pengenalan bon berdaulat Islam di peringkat antarabangsa yang pertama seumpamanya apabila melancarkan sukuk bernilai RM2,040 juta (AS\$600 juta) pada Jun 2002. Pada hari ini negara masih lagi menjadi penerbit sukuk terbesar dunia dengan penguasaan 67 peratus daripada jumlah yang belum ditebus²⁹.

Selain daripada itu juga, kita dapat menyaksikan banyak bank-bank asing yang membuka perniagaan mereka kerana berkeyakinan dengan infrastruktur dan sistem perbankan yang diamalkan di negara kita. Sebagai contoh Al Rajhi Banking dan Investment Corporation, bank Islam terbesar di dunia yang mempunyai aset RM65.7 bilion dan Kuwait Finance House bank Islam kedua terbesar di dunia dengan aset RM39.1 bilion telah memilih Malaysia sebagai destinasi operasinya di luar negara. Di peringkat domestik, sektor perbankan Islam mencakupi 12.2 peratus daripada pasaran perbankan negara dengan aset bernilai RM133 bilion³⁰.

(c) **Prinsip Perbankan Islam dan Pandangan Terhadap Madhhab**

Melalui penulisan beliau bertajuk “Legal Framework of Islamic Banking”, secara tidak langsung dapat diselami pemikirannya terhadap prinsip dan operasi perbankan Islam. Pada beliau, perbankan Islam mendokong prinsip bebas dari riba, berasaskan perniagaan yang sah di sisi syarak dan mengeluarkan zakat apabila cukup nisab dan haulnya. Dengan itu, beliau menerima amalan perbankan Islam sedia ada selagi mana tiadanya elemen yang bertentangan dengan hukum syarak.

Beliau sendiri menerangkan prinsip perbankan Islam yang terdiri daripada Deposit iaitu akaun simpanan dan akaun pelaburan, Pembiayaan berasaskan Hutang seperti Bay Bithaman Ajil, Pembiayaan Berasaskan ekuiti seperti Mudharabah dan

²⁹ Hamden Ramli Dan S. Anand Kumar. 4 Julai 2007. *Malaysia Penerbit Bon Islam Terbesar Dunia*. Utusan Malaysia.

³⁰ *Ibid.* Bab 5 Pelan Induk Sektor Perbankan iaitu Pelan Induk Perbankan Islam dan Takaful telah menetapkan sasaran 20 peratus daripada keseluruhan jumlah pasaran saham perbankan dan insurans Malaysia pada tahun 2010.

musyarakah dan perkhidmatan perbankan seperti Trade Financing Instruments, Pensekuritian Islamic Accepted Bill, Islamic Export Credit Refinancing Scheme, Remittance and transfers of funds, collection of proceeds of trade transactions dan jual beli matawang asing. Beliau menerima operasi dan pelaksanaan prinsip perbankan Islam yang diamalkan ini.

Dari aspek pemakaian madhhab, penulis tidak dapat menjelaskan pemikiran beliau dalam hal ini berikutan kurangnya fakta untuk menyokong pandangan beliau untuk memilih mana-mana madhhab walaupun ada yang berpendapat beliau berpegang kepada madhhab shafii'. Secara umumnya, beliau amat teliti dan mengambil kira pelbagai faktor sebelum memberikan apa-apa pandangan.

(d) Mencintai ilmu

Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim adalah seorang insan yang terlalu mencintai ilmu pengetahuan. Sepanjang hidupnya beliau sentiasa berusaha untuk menambah ilmu pengetahuan dan ini termasuk ilmu mengenai muamalat Islam. Sebagai contoh, ketika beliau memegang jawatan Dekan Fakulti Undang-undang Universiti Malaya, beliau masih sempat meluangkan masa untuk menghadiri beberapa kuliah di waktu malam seperti kelas bagi kursus Undang-undang Keluarga Perbandingan dan Undang-undang Pentadbiran Perbandingan termasuk semasa menjadi Dekan Kuliyah Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, beliau menghadiri kelas Undang-undang Perbankan Islam. Beliau menghadiri kelas tersebut sepenuhnya dan tepat pada waktu. Diceritakan juga bahawa beliau adalah seorang yang sangat kuat membaca buku di mana beliau menghabiskan banyak masanya dengan menelaah bahan ilmiah dan ke mana sahaja beliau pergi sama ada dalam negara dan luar negara, pasti kedai buku adalah tempat kunjungan beliau. Sebagai seorang yang berlatarbelakang pendidikan Inggeris beliau masih mampu untuk menghasilkan penulisan berkaitan perbankan Islam dan memberikan sumbangan kepada perkembangan sektor ini melalui peranan di dalam Jawatankuasa Syariah dan sebagainya. Ciri-ciri ini melambangkan pemikiran beliau yang sentiasa diruangi dengan ilmu bertepatan dengan budaya hidup yang sememangnya dianjurkan oleh Islam.

(e) Menghormati Pandangan Orang Lain dan Pendekatan Berhikmah.

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim adalah seorang yang pakar dalam bidang undang-undang dan juga syariah. Ini bermakna beliau mampu untuk memberikan pandangan terhadap apa-apa isu berkaitan perbankan Islam sama ada ianya melibatkan isu undang-undang atau isu syariah atau kedua-duanya. Namun begitu, beliau merupakan seorang yang amat menghormati pandangan orang lain. Beliau sentiasa menggunakan pendekatan berhemah dan bersederhana dalam menangani apa-apa isu. Malahan ramai yang mengakui kelebihan beliau yang sentiasa memastikan setiap percakapannya untuk perkara yang bermanfaat. Peribadi yang tinggi ditambah dengan ilmu pengetahuan yang mantap membuatkan beliau sentiasa dihormati dan dikagumi.

4.0 Kesimpulan

Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim merupakan insan luar biasa yang sukar dicari ganti dan telah mencurahkan sepenuhnya bakti dan jasa kepada negara dan agama dalam pelbagai bidang terutamanya kepada perkembangan undang-undang syariah di Malaysia. Walaupun beliau mendapat pendidikan Inggeris dalam bidang undang-undang dan ekonomi tatkala Malaysia masih dijajah oleh British, beliau telah menunjukkan jati diri seorang Islam yang berpegang teguh kepada agama dan nilai budaya. Buktinya, beliau telah meninggalkan sumbangan yang begitu besar kepada perkembangan undang-undang Islam dan ini termasuk di dalam sektor perbankan Islam.

Jasa Allahyarham sepanjang hayatnya secara langsung atau tidak langsung sama ada dalam bentuk idea, Jawatankuasa Pemandu Perbankan Islam Kebangsaan, ahli Majlis Penasihat Syariah, program akademik, penulisan, pengajaran dan bimbingan telah membuahkan kejayaan dan memberikan sumbangan untuk memenuhi keperluan sektor perbankan Islam terutamanya dari aspek infrastruktur undang-undang dan syariah termasuk modal insan yang berpengetahuan. Dari aspek pemikiran beliau terhadap pelaksanaan sistem perbankan Islam, kecintaan kepada ilmu, pendekatan secara berhikmah dan bersederhana diaplikasikan. Beliau menerima pelaksanaan sistem dwi perbankan, memahami aplikasi dan operasi sistem perbankan Islam, amat teliti dan mengambil kira pelbagai faktor sebelum memberi pandangan serta

menghormati pandangan orang lain. Semua sumbangan beliau ini telah memberikan impak yang amat besar kepada perkembangan sektor perbankan Islam sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim adalah seorang yang amat berjasa kepada sektor perbankan Islam di Malaysia. Adalah amat bertepatan bagi pihak Institut Kefahaman Islam Malaysia membuat inisiatif ini untuk mengetengahkan dan merakamkan jasa dan sumbangan Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim melalui Projek Akademik Mega Ahmad Ibrahim Sebuah Bigorafi dan Telaah Pemikiran. Semoga usaha seumpama ini akan dapat memberikan inspirasi kepada generasi muda untuk mencontohi tokoh yang dekat dihati ini yang kekal diingati sepanjang zaman.

RUJUKAN

Abdul Aziz Bari. *Ahmad Ibrahim and the Islamisation of Law in Malaysia* dalam Md. Som Sujimon (Kompilasi). 2003. *Monograph on Selected Malay Intellectuals*. Gombak: UIAM.

Ahmad Ibrahim. 1965. *Islamic Law in Malaya*. Singapore: MSRI.

Ahmad Ibrahim dan Judith Sihombing. 1989. *The Centenary of the Torrens System in Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.

Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned. 1995. *The Malaysian legal system*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Ahmad Ibrahim. 1981. *Perundangan Islam Di Malaysia: Dasar dan Perlaksanaannya*. Kuala Lumpur: Islamic Research Institute.

Ahmad Ibrahim. 2000. *Pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.

Ahmad Mohamed Ibrahim. 2000. "*The Aministration of Islamic Law in Malaysia*". Kuala Lumpur: IKIM.

Ahmad Ibrahim. "*Legal Solution Toward A Smoother Implementation of Islamic Banking and Finance*". Kertas kerja "*National Congress on Islamic Banking and Finance*" pada 2 Disember 1996 anjuran *BIMB Institute of Research and Training Sdn. Bhd* dan *Association of Interest-Free Banking Institutions Malaysia*.

Ahmad Ibrahim. "*Resolution of Legal Disputes in the Financial Sector in Accordance With Islamic Principles* (1999) 19 *Al-Nahdah* Hlm 20.

Ahmad Ibrahim. 1999. *Perkembangan undang-undang Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bab 5 Pelan Induk Sektor Perbankan iaitu Pelan Induk Perbankan Islam dan Takaful

Hamden Ramli Dan S. Anand Kumar. 4 Julai 2007. *Malaysia Penerbit Bon Islam Terbesar Dunia*. Utusan Malaysia.

Nik Norzrul Thani, Mohamed Ridza Mohamad Abdullah dan Megat Hizaini Hassan. 2003. *Law Practice of Islamic Banking and Finance*. Kuala Lumpur: Sweet and Maxwell.

Nik Norzrul Thani, Aida Othman dan Megat Hizaini Hassan. “*The Contributions of Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim To Islamic Banking and Finance in Malaysia*”. Seminar Ahmad Ibrahim: Pemikiran dan Sumbangan Ilmiah. 21-22 Ogos 2007 anjuran IKIM.

Norhashimah Mohd Yasin. 1996. *Islamisation/Malaynisation: A Study on the Role of Islamic Law in the Economic Development of Malaysia: 1969-1993*. Petaling Jaya: AS Noordeen.

Nor Mohamed Yakcop. *Reflections on the Islamic Financial System*. In Halal Malaysia: Islamic Capital Market and Financial Services. 2003. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islam Malaysia.

n.a. 2007. *Shariah Resolutions in Islami Finance*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.

Temubual pada 27 Mac 2007 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dengan Y. Bhg. Dr. Zainuddin Jaafar, Jawatankuasa Syariah CIMB Islamic Bank dan juga Pensyarah serta Penyelaras Program Siswazah, Fakulti Ekonomi Perniagaan dan Pengajian Polisi, Universiti Brunei Darussalam

Temubual pada 4 Julai 2007 dengan Y. Bhg. Profesor Dr. Hj. Abdul Samat Musa, Dekan Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia dan Pengerusi Jawatankuasa Syariah RHB Islamic Bank.

Temubual pada 9 Julai 2007 dengan Y. Bhg. Dato' Faiza Tamby Chik Felo Utama, di Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

Temubual pada 6 Julai 2007 dengan Y. Bhg. Dr. Mariam Saidona Tagoranao, Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia dan pelajar PHD terakhir dibawah seliaan Allahyarham Profesor Ahmad Ibrahim sebelum pemergiannya ke Rahmatullah.

Laman Sawang

<http://www.bnm.gov.my>

http://infopedia.nlb.gov.sg/articles/SIP_529_2005-01-07.html
<http://www.iiu.edu.my/laws/father.php> <http://www.iiu.edu.my/laws/father.php>